

Perluakah jumlah pelajar lelaki di IPT ditambah?

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi kini dikatakan sedang mencari formula untuk merapatkan semula jurang perbezaan jumlah pelajar perempuan dan lelaki di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Menurut Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, IPT di seluruh negara kini didominasi pelajar perempuan malah di beberapa universiti nisbah pelajar perempuan menjangkau 70 peratus.

Dalam sebuah artikel yang bertajuk *Effects of More Women Than Men Attending College*, 30 tahun lalu, pelajar lelaki mendominasi jumlah pelajar di kampus.

Memandangkan secara tradisinya, kaum lelaki menyara keluarga, pengajian di kolej adalah langkah kepada mendapat kerjaya yang lebih baik dan ini bermakna memperoleh gaji lebih lumayan.

Mengikut artikel itu lagi, pergerakan feminis di tahun 1970-an menyaksikan satu tren di mana lebih ramai wanita menceburi bidang kerjaya dan memasuki kolej. Akibatnya sehingga pertengahan 1980-an, jumlah pelajar wanita melebihi pelajar lelaki di kolej.

Pada masa yang sama, terdapat penurunan yang tidak diduga mengenai jumlah pelajar lelaki memohon memasuki

kolej. Kejatuhan ini sehingga kini masih menjadi tanda tanya di mana tiada satu jawapan konkrit yang diperolehi mengapa jumlah pelajar lelaki jauh menurun daripada pelajar perempuan di universiti. Bagaimana terdapat teori yang dikaitkan dengan fenomena ini

Mengikut *National Center for Education Statistics*, jumlah pelajar lelaki yang tidak menghabiskan sesi persekolahan atau yang dibuang sekolah adalah lebih tinggi daripada jumlah pelajar perempuan.

Stereotaip

Christina Hoff Sommers pula memberi alasan bahawa stereotaip masyarakat bahawa budak lelaki adalah 'terlalu agresif' dan 'tidak bersifat akademik' menyumbang kepada fenomena ini.

Selain itu, beliau juga berpendapat pelajar lelaki tidak menerima sokongan sosial dan bimbingan yang sewajarnya untuk menjadi pelajar cemerlang akademik.

Faktor lain yang dikaitkan ialah disebabkan oleh lebih ramai pelajar lelaki yang berminat dalam bidang teknologi, pemasangan dan pembuatan yang dikatakan tidak begitu memerlukan mereka

belajar di universiti. Bidang-bidang ini dikatakan menawarkan gaji yang lumayan.

Beberapa usaha telah dilakukan untuk menarik lebih ramai pelajar lelaki ke universiti. Sebuah sekolah di Tennessee telah bekerjasama dengan kumpulan bimbingan dan kerjaya sekolah itu dengan memberi motivasi kepada pelajar lelaki untuk memasuki kolej. Sebuah sekolah lain pula telah menghantar surat kepada pelajar lelaki sebagai usaha pengalakan memasuki universiti.

Bagaimana, usaha ini bukanlah tanpa risikonya. Sebuah universiti telah disaman oleh seorang pelajar perempuan kerana polisi di universiti itu yang dikatakan lebih memihak kepada pelajar lelaki. Pelajar wanita yang menyaman universiti itu menjelaskan bahawa adalah tidak adil memberi keistimewaan kepada pelajar lelaki dalam kemasukan ke kolej. Bagaimanapun, beliau menjelaskan adalah sesuatu baik jika lebih ramai pelajar lelaki berada di kampus.

Fenomena jumlah pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki menyumbang kepada kesan tertentu. Ia mungkin sahaja melibatkan perubahan program yang akan ditawarkan. Dianggarkan bahawa kemasukan lebih ramai pelajar perempu-

an akan membawa kepada penawaran-penawaran program seperti program pengajian wanita.

Kesan lain yang dijangkakan ialah terdapat tekanan untuk menawarkan pekerjaan yang melibatkan pembuat keputusan kepada kaum perempuan dalam bidang kerjaya.

Seorang ahli ekonomi menjelaskan beliau percaya penurunan pelajar lelaki di kampus bermaksud wanita yang ingin berkahwin dengan lelaki yang mempunyai kelayakan setaraf dengan mereka akan menjadi lebih sukar. Ini juga akan memberi kesan ekonomi dan budaya.

Jelasnya, cabaran besar universiti sekarang ialah bagaimana menangani isu jumlah pelajar perempuan yang melebihi pelajar lelaki dan memastikan bahawa kedua-dua lelaki dan perempuan mempunyai laluan masuk ke menara gading. Tentu sahaja kita memang menanti-nanti formula yang sedang dicari oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk merapatkan semula jurang perbezaan jumlah pelajar perempuan dan lelaki di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.